**Khutbah Aidilfitri**

**Majlis Ugama Islam Singapura**

**6 Julai 2016 / 1 Syawal 1437**

# RAMADAN MEMBINA KEYAKINAN DAN KESATUAN KITA

اللهُ أَكْبَر × ٩ كالي.

اللهُ أَكْبَر مَا تَعَالَتْ أَصْوَاتُ النَّاسِ بِالتَّكْبِيْرْ.

اللهُ أَكْبَر مَا تَفَتَّحَتْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ فِي هَذَا الصَّبَاحِ الْكَبِيْرْ.

اللهُ أَكْبَر مَا تَنَزَّلَتْ عَلَيْنَا رَحْمَةُ اْلإِلَهِ الْعَلِيِّ الْقَدِيْرْ.

اللهُ أَكْبَر مَا تَقَارَبَتْ قُلُوْبُ الْمُسْلِمِيْنَ فِي هَذَا الْيَوْمِ الْمُنِيْرْ.

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ و اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِى أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيْقْ ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ وَالتَّصْدِيْقْ ، وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيْقْ ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيْقْ ، أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِى بِهَا حَبَانَا ، وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِى بِهَا هَدَانَا. وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهْ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهْ ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اهْتَدَى بِهَدْيِهْ.

أَمَّا بَعْد، فَيَا عِبَادَ الله، اتَّقُوا اللهَ أُوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُم بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ.

Muslimin Muslimat yang saya kasihi.

Pada pagi yang hening dan penuh keagungan ini, marilah kita panjatkan segala pujian dan kesyukuran kita kepada Allah, Tuhan yang Maha Esa. Maha Suci Allah yang telah mengurniakan kita nikmat bulan Ramadan. Bulan yang telah menyuburkan keimanan serta ketakwaan kita semula. Bulan yang menyemai rindu kita kepada ibadah, kebajikan serta kedamaian dan keihsanan. Mudah-mudahan setiap ibadah yang telah kita persembahkan kepadaNya diterima sebagai amal soleh yang ditempatkan di atas timbangan amalan kebaikan kita kelak ketika bertemuNya. Amin ya Rabbal ’Alamin.

**RAMADAN MEMBINA KEYAKINAN MASYARAKAT**

Saudaraku,

Pada pagi yang penuh keberkatan ini, saya ingin mengajak kita merenung semula mutiara hikmah daripada madrasah Ramadan yang baru kita lalui. Ingatkah kita betapa kita sanggup mengorbankan rasa lapar dan dahaga demi memenuhi kewajipan kita berpuasa untuk Allah?

Ingatkah betapa kita ini menjadi orang yang lebih berhati-hati dalam tutur bicara dan kelakuan kita sepanjang Ramadan agar tidak melakukan sesuatu maksiat yang boleh merosakkan ibadah kita? Tambahan dari itu, kita telah memakmurkan rumah-rumah Allah dan menghidupkan malam-malamnya dengan ibadah terawih dan tahajjud serta tadarus Al-Quran. Sedangkan pada bulan yang lain kita mungkin tidak dapat melakukan yang sama. Bahkan lebih dari itu, kita juga menyaksikan bagaimana begitu ramai daripada kita yang telah tampil membantu mereka yang memerlukan dan berada dalam kesulitan dengan apa jua yang termampu.

Inilah hasil madrasah Ramadan. Inilah natijah ketakwaan. Ia bukan sahaja membawa kita lebih dekat kepada Allah s.w.t. tetapi juga menjadikan kita lebih mesra sesama manusia. Inilah bentuk ketakwaan yang kita inginkan sesuai dengan firman Allah dalam ayat 133-134 daripada Surah Ali-Imran:

۞ وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ
أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ
وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٣٤

Yang bermaksud: *“Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa, (yaitu) orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang*

*menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan".*

Saudaraku,

Ayat ini sekaligus mengingatkan bahawa semakin kita ini bertakwa, semakin yakin kita ini akan kepercayaan dan keimanan kita. Bahkan kita lebih yakin berinteraksi dengan masyarakat Islam mahupun yang beragama lain. Tidak seperti yang difahami sebahagian orang, bahawa seandainya kita ingin menjadi seorang yang lebih bertakwa dan beragama, kita harus menyendiri dan mengasingkan diri kerana ingin memelihara keimanan.

Sepanjang Ramadan yang lalu, kita telah menyaksikan pelbagai inisiatif baik oleh masjid-masjid mahupun badan-badan Islam dalam menonjolkan keyakinan masyarakat Islam Singapura. Masjid-masjid sebagai contoh telah menyebarkan risalah tentang Ramadan kepada para penduduk kejiranan bukan Islam. Ada juga yang giat menganjurkan program bagi penduduk bukan Islam bagi menjelaskan hakikat keindahan ibadah puasa yang dilalui oleh masyarkat Islam, melalui program berbuka puasa bersama. Bahkan ada sebahagian persatuan bukan Islam turut menyumbang kepada sebahagian badan-badan Islam setempat dalam memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Beginilah ajaran murni Islam. Berbekalkan keyakinan yang terbit daripada ketakwaan yang kukuhlah, masyarakat Islam sejak dahulu hingga kini telah berinteraksi dengan masyarakat yang berbilang kepercayaan, aliran mazhab, bangsa dan kecenderungan. Semakin mereka mendalami agama, semakin yakin mereka bahawa agama dan aqidah mereka tidak akan mudah luntur hanya dengan bermasyarakat. Bahkan kerana kesedaran bahawa mereka adalah duta Islam yang perlu menerangkan ajarannya kepada pengikut agama lain lah, ia membantu mereka menghargai agama mereka sendiri.

**CIRI KETAKWAAN: MERENDAH DIRI.**

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،

اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ .

Ma’asyiral Muslimin Wa Zumratal Mukminin,

Selain keyakinan yang tinggi, ketakwaan juga akan menjadikan pemiliknya seorang yang berakhlak mulia dan rendah diri, bebas daripada kesombongan. Orang yang bertakwa meskipun dia yakin bahawa sesuatu pandangan yang dipegangnya adalah benar dan paling menepati apa yang diinginkan Allah dan RasulNya, tidak akan pada masa yang sama menafikan kemungkinan kebenaran pandangan lain yang dipegang oleh saudara seagamanya. Dalam erti kata lain, ia tidak membiarkan hatinya dikuasai kesombongan bahawa hanya pandangannya sahaja yang benar dan pandangan selainnya adalah salah dan

wajar dikafirkan atau terkeluar daripada Islam. Sekiranya kita dapati ada guru agama yang bersikap demikian, maka berhati-hatilah dan jika mereka berterusan demikian, tinggalkan mereka dan carilah guru agama lain yang bertauliah.

Saudara, Islam sangat mementingkan ilmu dan keupayaan berfikir. Syariat Islam didasari oleh ilmu dan rasional, bersifat terbuka dan sentiasa mementingkan kesatuan umat dan maslahat umum. Justeru itu, tidak seharusnya masyarakat Islam berpecah-belah dengan isu-isu cabang yang tiada kesudahannya.

Sudah tiba masanya masyarakat Islam hari ini merasa yakin dengan prinsip dan nilai agama Islam yang murni. Sudah tiba masanya masyarakat Islam bertindak secara matang di dalam menangani isu–isu cabang agama. Inilah yang disebut oleh Syeikh al-Raisuni sebagai ciri: *Berlaku adil di dalam isu khilaf*.

Setiap orang yang berpegang kepada sesuatu mazhab, hendaklah dia berlaku adil dalam membicarakan mazhab lain. Dan setiap seorang yang berpegang dengan suatu pendirian, hendaklah dia berlaku jujur dan amanah di dalam menukil pendirian orang lain. Keadilan akan melahirkan kasih sayang. Keadilan adalah kesederhanaan. Keadilan akan memadamkan api fitnah, dan keadilan pasti menyatukan ummah. Allah s.w.t. berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.* [Surah al-Maidah ayat 8]

Mukmin yang bertakwa sentiasa terbuka kepada perbincangan dan dialog, dan bukannya saling kafir-mengkafirkan atau salah menyalahkan antara satu dengan yang lain, tanpa usul periksa ataupun kajian yang tuntas terlebih dahulu. Ini merupakan pendekatan golongan ekstremis yang tidak seharusnya kita benarkan berakar di dalam masyarakat kita.

Ingatlah suatu kejadian di zaman Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud: *“Sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah keluar sedangkan sebahagian sahabat sedang berselisih tentang takdir, maka merahlah wajah beliau bagaikan merahnya buah delima kerana marah, lalu beliau bersabda: “Apakah untuk ini kamu diciptakan?! Kamu melagakan*

*sebahagian Al-Quran dengan sebahagiannya!! Kerana inilah umat-umat sebelum kamu binasa".*

Saudara,

Lihat sahaja bagaimana kumpulan pengganas seperti ISIS telah dengan lancangnya mencemari bukan sahaja kesucian bulan Ramadan dengan serangan di Istanbul, Dhaka dan Baghdad, bahkan kehormatan tanah suci Madinah dan Masjid Nabawi juga tidak terlepas daripada kekejaman mereka. Kejahilan kumpulan-kumpulan pengganas ini, tidak kira dari segi ideologi sesat mereka atau tindakan buas mereka, hanya akan menjadi lebih subur di dalam suasana kita saling benci membenci seperti pengeboman di Baghdad yang telah meragut ratusan jiwa pengikut Syiah. Oleh itu, kita mesti menolak dengan sekeras-kerasnya bukan sahaja ideologi keganasan bahkan juga ajaran-ajaran yang menanam bibit-bibit kebencian terhadap sesama saudara seagama mahupun mereka yang berlainan agama. Ini kerana kebencian membawa kepada perbalahan dan perbalahan itulah tanah subur yang akan dieksploitasi oleh kumpulan-kumpulan pengganas. Perbuatan seperti ini bukan sahaja suatu perbuatan yang terkutuk, bahkan ia adalah dosa besar yang boleh mengakibatkan pelakunya dihumban ke dalam api neraka Allah s.w.t.

## CORAK KEAGAMAAN YANG KITA BINA

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،

اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Ma'asyiral Muslimin Wa Zumratal Mukminin Rahimakumullah,
Dengan berbekalkan ketakwaan yang jitu seperti yang saya sebutkan awal tadi, pemilik ketakwaan ini akan yakin untuk mengamalkan agamanya di mana sahaja dan dalam apa jua keadaan. Berdasarkan ilmu agama yang mendalam, beliau dapat menyesuaikan pengamalan agamanya mengikut tuntutan semasa sehingga beliau tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada Allah. Inilah ciri yang telah dan ingin kita semai terus di dalam diri setiap Muslim di Singapura.

Namun saudara, kita dapati kini ada sebahagian golongan yang seolah-olah hilang keyakinan terhadap agama dan diri sendiri. Di antara mereka ada yang mendakwa bahawa sistem pemerintahan negara-negara dunia hari ini adalah tidak Islamik semata-mata kerana ketiadaan khilafah atau daulah Islamiyyah, dan Muslim yang tinggal dalam suasana negara seperti Singapura ini seolah-olah tidak akan dapat menyempurnakan keimanannya.

Pandangan seperti ini adalah amat bermasalah. Ini adalah kerana pengalaman sahabat Nabi s.a.w. yang hidup di Habsyah di bawah pemerintah bukan Islam, begitu juga Piagam

Madinah yang dilakarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan persetujuan penduduk Madinah yang berbilang bangsa dan agama, merupakan bukti yang sebaliknya.

Bahkan, sepertimana yang disebut oleh Sheikh Abdullah bin Bayyah, Piagam Madinah sebenarnya mengingatkan kita bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengamalkan hak-hak asasi kemanusiaan seperti kebebasan beragama, tidak menindas atau memencilkan kaum minoriti, mengutamakan kedamaian dalam hubungan sesama warga negara dan sebagainya. Ini adalah bentuk dan nilai-nilai Islam yang perlu dibangunkan pemimpin, ulama serta masyarakat secara bersama.

Ini adalah pemikiran agama yang telah kita warisi dari generasi awal Islam dan telah diterima ramai ulama kita. Ini juga adalah corak keagamaan yang telah kita bina di Singapura dan perlu terus kita suburkan demi kebaikan generasi Islam akan datang. Di saat berinteraksi dengan masyarakat bukan Islam, kita berinteraksi dengan penuh keyakinan dan keluhuran budi pekerti. Kita tidak membiarkan diri dan masyarakat kita terbelenggu di dalam mentaliti mangsa yang terperangkap, atau Siege Mentality, merasakan seolah-olah diri kita senantiasa diserang, ditekan dan dipencilkan.

**ISLAM DAN MUSLIMIN DI SINGAPURA**

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،
اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ .

Ma’asyiral Muslimin Wa Zumratal Mukminin Rahimakumullah,
Masyarakat Islam Singapura sejauh ini telah menunjukkan keyakinan tinggi, meskipun kita merupakan kelompok minoriti dari sudut bilangan kita.

Namun, bukan bilangan menjadi kayu ukuran, akan tetapi kualiti dan komitmen yang berterusan adalah hikmah yang dimiliki oleh masyarakat Islam Singapura dan menjadi pegangan kita dari masa ke semasa. Lihat sahaja bagaimana sistem pentadbiran dan pengurusan masjid-masjid di merata Singapura telah menjadi contoh dan ikutan banyak pertubuhan Islam dari luar negara.

Meskipun kita ini masyarakat minoriti, namun masjid-masjid kita tidak pernah sunyi daripada program dakwah untuk semua lapisan masyarakat. Bahkan sebahagian negara Islam telah mengiktiraf bahawa masjid-masjid kita lebih aktif daripada masjid-masjid di negara yang majoriti penduduknya adalah Muslim.

Selain itu, masyarakat Islam Singapura kita juga dikenali sebagai masyarakat yang mempelopori usaha memperkukuh

kedamaian dan persefahaman antara pelbagai agama. Lihat sahaja bagaimana Maulana Abdul Aleem Siddique telah menubuhkan *Inter Religious Organisation* (IRO), atau Pertubuhan Antara Agama, pada tahun 1949. Beliau merupakan duta keamanan di dalam mewujudkan keharmonian antara agama di Singapura. Misi ajaran Islam beliau fokus kepada kemanusiaan. Justeru itu, tidak hairanlah beliau diberi jolokkan sebagai pelopor dalam mewujudkan perbincangan antara silang agama bukan sahaja di rantau ini tetapi juga dalam sejarah dunia moden.

Dengan semangat inilah juga kemudian Pusat Harmoni telah ditubuhkan di Masjid An-Nahdah. Ia sebagai lambang komitmen masyarakat Islam Singapura kepada kedamaian dan kepada usaha mewujudkan persefahaman antara agama.

Segala usaha ini mencerminkan keyakinan masyarakat Islam Singapura dalam menyumbang kepada keamanan dan kedamaian sejagat. Kita membangun di atas landasan tradisi Islam, dan kita mengorak langkah ke hadapan juga dengan berpaksikan tradisi ini. Tradisi yang membina keyakinan. Tradisi yang menggabungkan antara panduan silam, kehidupan masakini dan kesejahteraan masa depan.

Masyarakat Islam Singapura telah dan perlu terus memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan yang baik tidak

kira sama ada ikatan tersebut terjalin menerusi kekeluargaan, persahabatan, jiran tetangga atau lebih luas lagi iaitu ikatan masyarakat majmuk yang hidup di bawah satu negara secara aman dan damai. Keadaan ini lebih bermanfaat demi memelihara intipati ajaran murni Islam dan masa depan umat Islam di Singapura.

**MENYUBURKAN NILAI INI DALAM DIRI DAN KELUARGA**

Saudaraku,
Segala usaha-usaha dan inisiatif yang saya sebutkan tadi, merupakan usaha yang mulia. Ia perlu diteruskan oleh generasi ini dan generasi mendatang. Kita boleh meraih pengajaran dan teladan daripada sejarah silam kita, akan tetapi pada waktu yang sama, kita juga perlu mencorak arus dan melakarkan sejarah dan masa depan kita sendiri.

Ia memerlukan usaha setiap individu untuk percaya bahawa dirinya mampu menyumbang kepada kesejahteraan umat dan masyarakat.

Ingatlah, bahawa segalanya bermula dari diri kita. Masyarakat yang bagaimana kita inginkan pada masa depan, semua bermula daripada usaha-usaha kecil individu dan keluarga. Kita menginginkan masyarakat yang bertakwa, dan menyumbang kepada kesejahteraan agama dan dunia; kita yang seharusnya

mencorak langkah terlebih dahulu. Serta memastikan bahawa nilai-nilai ini ada dalam diri kita dan ahli keluarga kita. Semoga Allah merahmati usaha kita memastikan Islam dapat dilestarikan untuk generasi masa hadapan. Amin Ya Rabbal ‘alamin.

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،
اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Ya Allah, Ya Fattah Ya ‘Alim,
Kami bermohon, Engkaulah yang Memperkenankan. Kami meminta, Engkaulah yang Memberi. Kami berdosa, Engkaulah yang Memberi pengampunan. Kami melakukan keburukan, Engkaulah yang berlaku ihsan. Kami berusaha dan kepada-Mu kami bertawakal. Kepada-Mu kami mengadu dan Engkaulah yang memberi pertolongan.

Ya Allah, Ya Sami’ Ya Khabir,
Ubahkanlah keadaan kami, kepada keadaan yang lebih baik. Ubahkanlah keadaan kami, dari kelemahan kepada kekuatan, dari kesukaran kepada kesenangan, dari ketakutan kepada keamanan, dari kehinaan kepada kemuliaan, dari berputus asa kepada berwawasan, dari perpecahan kepada kesatuan, dari kesesatan kepada petunjuk dan dari langkah yang tergelincir kepada istiqamah.

Ya Allah, Ya ‘Afuwwun Ya Ghafur,

Engkau Maha mengetahui tentang keadaan kami dan Engkau Maha memahami permintaan kami. Maka perkenankanlah cita-cita kami, perelokkanlah amalan-amalan kami, tetapkan pendirian kami, siramilah rahmat dan keampunan-Mu terhadap dosa kesalahan kami, kurniakanlah ke atas kami anugerah, agar kami dapat memperbaiki keaiban kami, jadikan kami di kalangan hamba-hamba-Mu yang solihin, dan jadikanlah kami pada pagi hari yang mulia ini di kalangan hamba-hamba-Mu yang memperolehi fitrah kesucian, memperoleh kejayaan dan memperoleh penerimaan amalan. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،
اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.